

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

Mary J Holding Sdn. Bhd. (1346684-D) (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, Kelantan bagi pertuduhan di bawah subseksyen 30(1) Akta Bekalan Gas 1993 kerana melanggar perenggan 11(g) Akta yang sama apabila menjalankan aktiviti penggunaan gas tanpa Lesen Gas Persendirian yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga iaitu menggunakan 12 tong gas petroleum cecair (LPG) jenis 14kg untuk kegunaan 8 unit mesin basuh dan 10 unit mesin pengering di premis Dobi Keluarga. Pada 6 April 2025, OKS telah mengaku bersalah bagi pertuduhan tersebut dan mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM 14,000.00. OKS membayar denda tersebut.